

# KEPADA ANGGOTA-ANGGOTA IKHWAN...

Saudara-saudara anggota Ikhwan,

Dalam bulan Oktober yang lalu, Alhamdulillah dua orang Kiyai dari Indonesia, sahabat-sahabat kita, telah singgah di sini dan Alhamdulillah dengan kemurahannya telah memberi syarahan-syarahannya iaitu di masjid Sultan dan di masjid Kampung Wak Tanjung. Kedua-dua beliau itu ialah Ustādh Zain al-‘Arifin Setiausaha kepada saudara Muhammad Nasir pemimpin agung Masyumi dan Kiyai Muhammad Saleh Suwaidi Setiausaha Majlis Syura Masyumi.

Pucuk pimpinan “Ikhwan” mengucapkan terima kasih kepada kedua-dua beliau dan kepada nazir-nazir kedua-dua masjid itu yang telah bermurah hati meminjamkan tempatnya.

\* \* \*

Terbit daripada syarahan-syarahan itu maka suatu kejadian yang tidak berapa menyenangkan telah berlaku. Kerana itu maka salah seorang yang mengatakan dirinya anggota Ikhwan telah mendatangkan pertanyaan menerusi akhbar tempatan bertanya tentang peristiwa yang terjadi di atas pungutan wang derma di Masjid Sultan dalam masa syarahan sedang diberi. Pihak “Ikhwan” telah menjawab tetapi malangnya akhbar yang menyiarkan tulisan anggota Ikhwan itu, dalam masa rencana ini ditulis tidak menyiarkan jawapannya, dan kerana itu mustahaklah kedudukan ini supaya jangan sangkaan-sangkaan yang salah terhadap pemimpin Ikhwan.

Semenjak Ikhwan diselenggarakan beberapa syarahan-syarahan

agama telah dibuat; dan dalam masa itu tidak pernah Ikhwan mengadakan pungutan-pungutan yang digunakan untuknya atau untuk pensyarah-pensyarahnya. Pada malam yang tersebut Ikhwan bersetuju supaya diadakan tabung-tabung seperti biasa di tangga masjid untuk tabung masjid itu sendiri yang kekurangan berpuluh-puluh ribu untuk menyapu kapur masjid itu.

Tetapi oleh kesalahan kakitakan masjid itu, dengan tidak setahu nazirnya yang tidak hadir pada malam itu mereka terus ke tengah untuk membawa tabung-tabungnya. Pengelola Ikhwan telah membantah tetapi supaya jangan jadi pertengkaran sedang syarahan berjalan maka tidaklah dapat ia berkeras. Tetapi kemudiannya ia telah menyatakan hal ini kepada setiausaha nazir-nazir masjid itu yang sama-sama berdukacita atas kejadian itu.

Sekianlah peristiwanya, mudah-mudahan anggota Ikhwan itu akan berpuas hati. Hanya kita berharap semoga pada masa yang akan datang lebih molek pertanyaan itu didatangkan terus kepada pengelola Ikhwan kerana ditakuti cara-cara yang dibuat orang terhadap Ikhwan adalah hanya untuk memburuk-burukkan sahaja kerana jawapan dari pihak Ikhwan tidak disiarkan.

\* \* \*

Saudara-saudara anggota Ikhwan, biarkanlah kejadian itu begitu sahaja. Pandanglah yang kecil itu sebagai suatu peristiwa yang patut kita jadikan pelajaran hidup.

Kita sekarang menghadapi perubahan-perubahan masa

**Dapatkanlah buku-buku untuk menambah pengetahuan**

**tuan/ puan:**

- |                               |        |
|-------------------------------|--------|
| 1. Risalah Allah              | 40 sen |
| 2. Permulaan agama            | 70 “   |
| 3. Perempuan Islam            | 30 “   |
| 4. Iman Perempuan             | 20 “   |
| 5. Perempuan dan Pilihan raya | 40 ”   |
| 6. Taqlid                     | 60 “   |
| 7. Qada' dan Qadar            | 25 “   |
| 8. Berjihad pada jalan Allah  | 70 “   |

Alamatkanlah kepada:

QALAM

356 & 358, Geylang Road,

yang cepat yang berkehendak kepada semangat yang tabah untuk menegakkan kemuliaan agama kita. Kemuliaan agama kita tidak akan dapat kita sempurnakan jika kita sendiri tidak lebih dahulu membetulkan diri kita mengikut perintah-perintah Allah dan menjauhi segala larangannya.

Baharu sebulan yang lalu kita memperingati hari keputeraan junjungan Muhammad (SAW) dengan gembira dan bersuka ria tetapi banyak di antara kita melupakan sama sekali kewajipan kita, tanggungjawab kita kepada agama kita. Kita tidak sama sekali mengulangi penyelidikan tentang riwayat hidup beliau.

Cuba lihat sejarah beliau. Beliau mulai menjalankan usahanya pada dirinya, isterinya kemudian keluar. Beliau lebih dahulu menamakan jiwa tauhid kepada sahabat-sahabat atau pengikut-pengikut beliau di dalam masa yang lama. Apabila keyakinan tauhid sudah mendalam apa dihadapkan kepada mereka untuk menukar tauhid itu tidak mereka undur sekalipun maut kerana erti perjuangan Islam itu ialah hidup atau mati untuk menegakkan keesaan Tuhan.

Kemudian beliau berpindah ke Madinah, beliau menamakan semangat

persaudaraan yang kuat yang tidak pernah dibuat oleh dunia.

Beliau menjalankan peratura-peraturan hidup cara kemanusiaan yang diatur oleh Tuhan kerana itulah yang diperjuangkan beliau.

Semuanya riwayat hidup beliau adalah menjadi teladan hidup kita. Kita tidak akan menjadi umat Muhammad jika kita tidak mengikut jejak beliau. Sebab itu marilah anggota-anggota Ikhwan masing-masing kita memperbaiki diri kita, kemudian bekerja terus menegakkan kalimah Tuhan dengan tidak ada berharap apa-apa selain daripada berjihad kepada jalan Allah untuk mencari keredhaannya. Berjihadlah saudara-saudara – jihad saudara-saudara insya-Allah akan ditolong Tuhan. Jangan takut kepada ugutan-ugutan, jangan takut kepada nista – jalan terus asalkan perjuangan kita untuk mencari keredhaan Tuhan. Jangan kita berharap kepada kelimpahan manusia tetapi berharaplah kepada kelimpahan Tuhan! Jangan kita sujud kepada manusia kerana sesuatu yang kita hajat tetapi hanya sujud kepada Tuhan kerana ialah Maha Pemurah lagi Maha Penyayang!

---

**Terjemah menterjemah: sambungan dari muka 39**

Inggeris yang sama atau hampir-hampir sama dengan maksud perumpamaan atau bidalan Melayu.

Ada lagi perumpamaan-perumpamaan dan bidalan yang lain yang sama atau hampir-hampir sama dengan perumpamaan atau bidalan kita insya-Allah akan dimasukkan di majalah “Dewan Bahasa” keluaran akan datang.

Penutup kata, biar saya ulang sekali lagi; hendaklah faham betul dua bahasa itu; hendaklah tahukan rahsia menterjemah; hendaklah cenderung hati kepada kerja menterjemah; hendaklah rajin bertanya pada orang yang tahu; hendaklah usaha membandingkan terjemah yang baik-baik dengan karangan asalnya. Mudah-mudahan dengan jalan ini dapat kita beransur faham akan cara terjemah menterjemah.